

28/07/1997

Tindakan Soros tidak kejutkan penganalisis

Kadir Dikoh

PENDEDAHAN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kelmarin mengenai pembabitan pembiaya kewangan antarabangsa, George Soros dalam serangan spekulatif terhadap mata wang di rantau ini beberapa minggu lalu, tidak mengejutkan peserta pasaran dan penganalisis ekonomi.

Malah, nama jutawan kelahiran Hungary yang kini menetap di New York itu sudah menjadi perbualan hangat di pasaran meskipun tidak didedahkan secara umum, sejak serangan spekulatif berlaku terhadap baht hingga memaksa mata wang Thailand itu diapungkan 2 Julai lalu.

Serangan spekulatif itu kemudian merebak ke Filipina, Indonesia, Malaysia dan Singapura. Nama Soros semakin hangat diperkatakan apabila Dr Mahathir, ketika di Okayama menyatakan bahawa kejatuhan nilai mata wang negara Asia Tenggara berpunca daripada tekanan tokoh kewangan antarabangsa yang mempunyai agenda politik.

Meskipun ketika itu Perdana Menteri tidak menyebut nama orang yang dimaksudkan, telunjuk pemerhati menjurus kepada Soros. Namun, Soros melalui jurucakapnya di New York menafikan terbabit tetapi mengakui dia mendesak Malaysia dan Thailand supaya tidak membenarkan kemasukan Myanmar dalam Asean.

Kelmarin, Dr Mahathir yang menyifatkan Soros sebagai tidak bertanggungjawab menolak penafian jutawan itu dengan berkata: "Adalah sukar untuk memisahkan tangan kanan dan tangan kiri dan kadangkala anda tidak menyedari apakah yang dilakukan oleh tangan kanan anda. Tetapi dalam hal ini ia ternyata ada pertembungan. Dan hari ini, saya mengesahkan bahawa George Soros adalah orang yang saya katakan."

Seorang penganalisis mata wang di sebuah firma sekuriti tempatan berkata, penafian Soros itu juga tidak mengejutkan dan dia terpaksa berbuat demikian kerana jika tidak, amat sukar baginya untuk hadir atau melalui ejen bergerak mengaut keuntungan melalui kegiatan spekulasi di rantau ini pada masa akan datang kerana dia mungkin dikenakan larangan memasuki rantau ini.

Katanya, pembabitan Soros itu juga kemungkinan besar berbau politik sebagai membalas dendam berikutan tindakan Asean menerima kemasukan Myanmar bagi 'mengajar' sesetengah kerajaan di negara Asean.

Andaian itu juga dinafikan oleh Soros Fund Management (SFM) minggu lalu. Januari lalu, Soros mendesak supaya pelancong antarabangsa supaya memulau Myanmar dan meminta pelaburan di Yangon dihentikan oleh syarikat minyak dari luar.

Seorang lagi penganalisis menyebut jutawan seperti Soros meskipun disifatkan sesetengah pihak sebagai dermawan yang bermurah hati, amat berbahaya jika mempunyai agenda lain dalam kegiatannya selain daripada jual/beli mata wang.

Bagaimanapun, beliau percaya selain kemungkinan pembabitan Soros, ramai lagi pengurus dana asing dipercayai turut cergas dalam kegiatan serangan spekulatif mata wang sekarang tetapi semata-mata dengan agenda khusus untuk mengaut keuntungan jangka pendek.

"Biasanya serangan spekulatif di sesuatu tempat atau rantau bersifat sementara dan spekulator akan beredar daripada pasaran dalam tempoh tertentu yang tidak akan berpanjangan selepas mengaut keuntungan.

"Saya yakin mata wang rantau ini terutama ringgit akan kembali stabil dalam tempoh sebulan dua ini bagi menyerlah keadaan sebenar asas kekukuhan ekonomi dan sekali gus memulihkan pasaran saham yang turut terjejas," kata

seorang ahli ekonomi.

Berikutan serangan spekulatif itu, bank pusat di beberapa negara Asean termasuk Malaysia terpaksa campur tangan.

Lazimnya campur tangan bank pusat menjadi satu petanda kepada spekulator besar seperti Soros untuk campur tangan dengan lebih agresif seperti yang pernah berlaku ketika krisis mata wang Kesatuan Eropah (EU) September 1992 dan April 1993.

Soros adalah kapitalis antarabangsa yang secara agresif meneroka pasaran baru terutama di negara membangun. Pada 1993, dia menubuhkan Quantum Emerging Growth Fund untuk melabur di Dunia Ketiga selain Soros Foundation dan Open Society Institute. Malah bukunya bertajuk Soros on Soros pernah laris di pasaran beberapa tahun lalu.

(END)